

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)  
DEWAN RAKYAT**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD BAIHAKI BIN ATIQULLAH  
[KUBANG KERIAN]**

**TARIKH : 21 OKTOBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Baihaki bin Atiqullah [Kubang Kerian] minta PERDANA MENTERI menyatakan tahap kesiapsiagaan mahkamah Syariah di Malaysia berbanding mahkamah-mahkamah sivil dari segi kemudahan dan kesediaan menyelesaikan setiap kes. Adakah mahkamah Syariah telah mempunyai persiapan yang mencukupi jika hukum hudud dilaksanakan.**

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di- Pertua,

Kerajaan telah menjalankan usaha-usaha menaiktaraf kedudukan mahkamah Syariah dan hakim-hakim Syarie di Malaysia agar setaraf dengan mahkamah sivil bagi menjamin keselarasan dan penyeragaman undang-undang serta penghakiman di mahkamah Syariah Negeri-Negeri. Antara **usaha-usaha** tersebut adalah:-

- i. pertambahan hirarki mahkamah Syariah sedia ada daripada tiga peringkat kepada lima peringkat iaitu Mahkamah Rendah Syariah, Mahkamah Tengah Syariah, Mahkamah Tinggi Syariah, Mahkamah Rayuan Syariah Negeri dan Majlis Rayuan Syariah; dan
- ii. perjawatan, jaminan perjawatan, emolumen hakim-hakim dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, proses rundingan peringkat pertama kepada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri di seluruh Malaysia telah selesai dilaksanakan pada 30 Disember 2012. **Terdapat enam (6) Majlis Agama Islam Negeri yang bersetuju** iaitu Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis, Majlis Ugama Islam dan Adat Islam Melayu Pahang, Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Majlis Agama Islam Pulau Pinang dan Majlis Agama Islam Melaka.

Kerajaan dalam tindakan meneruskan rundingan peringkat kedua kepada Majlis Agama Islam Negeri-Negeri. Terkini, rundingan peringkat kedua kepada Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak telah diadakan pada 23 Mei 2015, Majlis Agama Islam Selangor telah diadakan pada 3 Julai 2015, Majlis Agama Islam Johor telah diadakan pada 9 Julai 2015, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah diadakan pada 8 September 2015 Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu telah diadakan pada 20 September 2015.

Disamping itu, Kerajaan juga telah berusaha untuk melaksanakan pengasingan Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Pendakwaan

Syariah sebagai dua entiti yang berbeza bagi memperkukuhkan lagi institusi pentadbiran Syariah di negara ini di samping dapat memberikan ketelusan dan keadilan sebenar kepada masyarakat. Jemaah Menteri telah meluluskan cadangan pengasingan tersebut dan pada masa ini, proses pengasingan tersebut dalam tindakan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.

Selain itu, latihan secara berkala setiap tahun kepada hakim-hakim Syarie di mahkamah Syariah bagi memantapkan ilmu pengetahuan dan kemahiran mereka dalam mengendalikan perbicaraan khususnya berkaitan dengan kes-kes jenayah Syariah.

Dalam usaha Kerajaan usaha menyeragamkan mahkamah Syariah di Negeri-negeri, Kerajaan telah mewujudkan:-

- i. sistem e-syariah bagi menyelaraskan dan memberikan rujukan yg cepat dan tepat kepada hakim-hakim Syarie mengenai semua kes di mahkamah Syariah Negeri-Negeri di Malaysia.
- ii. infrastruktur bangunan ibu pejabat mahkamah Syariah di Negeri-Negeri (Perlis, Kedah, Wilayah-Wilayah Persekutuan, Kelantan, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang dan Sabah); dan
- iii. skim perkhidmatan gunamasa pegawai Syariah di tujuh (7) buah Negeri (Wilayah-Wilayah Persekutuan, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pulau Pinang, Perlis dan Sabah).

Sekian, terima kasih.